

**Sekolah Popular di Malaysia**

# **SEKOLAH MENENGAH SAINS PALING CEMERLANG**



9595  
H

**MOHD SHUKOR SALLEH**


TDM  
FOC

SEKOLAH POPULAR DI MALAYSIA

# SEKOLAH MENENGAH SAINS PALING CEMERLANG

Terima Kasih Tun  
Jasamu dikenang selalu

*Amami*  
MOHD SHUKOR SALLEH  
013 5287227



PUSTAKA PERDANA



1013988



© PUSTAKA EWAN



#290983

© PUSTAKA EWAN  
Terbitan 2023

Semua hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau diubah suai dalam sebarang bentuk atau cara, sama ada secara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman atau sebaliknya tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada PUSTAKA EWAN.

PUSTAKA EWAN  
57-1, Jalan Pendidikan 3,  
Taman Universiti,  
81300 Skudai,  
Johor Bahru, Johor.  
TEL.: 019-3817468

Perpustakaan      Data Pengkatalogan-  
Negara Malaysia      dalam-Penerbitan

Mohd Shukor Salleh, 1968-  
SEKOLAH MENENGAH SAINS PALING  
CEMERLANG / MOHD SHUKOR SALLEH.  
(SEKOLAH POPULAR DI MALAYSIA)  
ISBN 978-967-377-139-4 (set)  
ISBN 978-967-377-138-7  
1. Schools--Malaysia.  
2. Boarding schools.  
I. Judul. II. Siri.  
371.009595

Dicetak oleh: SS GRAPHIC PRINTERS (M) SDN. BHD. (252774-K)

# KANDUNGAN

## PENDAHULUAN

### 1 Sekolah Menengah Sains (SMS) 7

- Pendidikan di Malaysia
- Kurikulum Sains
- Smart School (Sekolah Bestari)
- Kelebihan dan Hala Tuju Aliran Sains SPM

### 2 Sekolah Menengah Sains Sultan Mohamad Jiwa (SEMOJI), Sungai Petani, Kedah 13

- Sejarah Penubuhan
- Majalah Sekolah
- Pencapaian Sekolah
- Bekas Pelajar

### 3 Sekolah Menengah Sains Tun Syed Sheh' Shahabudin (SOKSEK), Bukit Mertajam, Pulau Pinang 17

- Sejarah Penubuhan
- Upacara Perasmian
- Bendera SMSTSSS
- Asrama
- Alumni yang Menyerlah

### 4 Sekolah Menengah Sains Selangor (SMSS), Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur 20

- Sejarah Penubuhan

### 5 Sekolah Menengah Sains Muzaffar Shah (MOZAC), Melaka 22

- Sejarah Sekolah
- Barisan Pengurus dan Pentadbir Sekolah Sesi 2022/2023
- Senarai Pengetua
- Majlis Sistem Rumah
- Rumah Sukan dan Barisan Kepimpinan MSR Sesi 2022/2023
- Kokurikulum
- Pencapaian dan Pengiktirafan
- Alumni

### 6 Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah (SEMSAS), Kuantan, Pahang 28

- Sejarah dan Latar Belakang
- Falsafah Sekolah
- Hari Kecemerlangan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) ke-33
- Senarai Pentadbir Semasa

### 7 Sekolah Menengah Sains Tuanku Syed Putra, Kangar, Perlis 30

- Sejarah dan Latar Belakang
- Kronologi Penubuhan
- Visi dan Misi
- Senarai Pengetua SMSTSP
- Senarai Guru Cemerlang (Semasa)
- Kelas
- Rumah Sukan
- Pencapaian Akademik
- Pengiktirafan dan Anugerah Sekolah

**8****Sekolah Menengah Sains Kubang Pasu, Jitra, Kedah****34**

- Sejarah dan Latar Belakang
- Senarai Pengetua SM Sains Kubang Pasu
- Kemudahan Infrastruktur
- Hari Kecemerlangan Sekolah Berasrama Penuh (HKSBP)
- Majlis Anugerah Cemerlang SBP
- Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT)
- Penambahbaikan Infrastruktur

**9****Sekolah Menengah Sains Kuala Selangor, Bandar Malawati, Selangor****38**

- Sejarah Penubuhan
- Moto, Visi, Misi, Falsafah dan Prinsip Sekolah
- Lagu Rasmi Sekolah
- Tingkatan dan Aliran
- Pencapaian
- Pentadbiran Sekolah

**10****Sekolah Menengah Sains Kuala Terengganu (SESTER), Kuala Terengganu, Terengganu****42**

- Sejarah Penubuhan
- Pencapaian
- Pengurusan Sekolah
- Senarai Pengetua
- Lagu Sekolah

**11****Sekolah Menengah Sains Kuching Utara (SAKURA), Kuching, Sarawak****45**

- Sejarah Penubuhan
- Pentadbiran dan Pelajar
- Visi, Misi dan Moto Sekolah
- Lagu Sekolah
- Logo Sekolah
- Sistem Pembelajaran
- Tingkatan

- Pencapaian Akademik
- Sistem Rumah SAKURA

**12****Sekolah Menengah Sains Tengku Abdullah (SEMESTA), Raub, Pahang****49**

- Sejarah Penubuhan
- Lokasi
- ASTA - Alumni SEMESTA
- Senarai Pengetua
- Matlamat
- Objektif
- Ikrar Pelajar dan Lagu Sekolah

**13****Sekolah Menengah Sains Alam Shah (SMSAS), Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur****54**

- Sejarah Penubuhan
- Pencapaian
- Misi dan Visi
- Senarai Pengetua
- Senarai Pentadbir
- Rumah Sukan
- Akademik
- Pengantarabangsaan
- Persatuan Bekas Pelajar SMS Alam Shah (OASiS)

**14****Sekolah Menengah Sains Bagan Datoh (SABDA), Perak****60**

- Sejarah Penubuhan
- Pencapaian
- Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9)
- Dalam Pembinaan
- Penyerahan Projek
- Pembukaan Sulung
- Perasmian oleh Sultan Perak
- Pengetua SM Sains Bagan Datoh

**15**

### **Sekolah Menengah Sains Tuanku Munawir (SASER), Seremban, Negeri Sembilan**

**63**

- Sejarah Penubuhan
- Infrastruktur dan Kemudahan
- Kemudahan Sukan di SASER
- Misi, Matlamat dan Slogan
- Senarai Pengetua
- Tenaga Pengajar dan Staf Sokongan Perintis
- Pelajar SASER
- Senarai Nama Batch Putera SASER
- Rumah Sukan
- Kriteria Pemilihan Putera SASER
- Pencapaian Kokurikulum
- Akademik
- Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT)
- Etos Sekolah
- Anugerah Bai'ah

**16**

### **Sekolah Menengah Sains Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan**

**74**

- Sejarah Penubuhan
- Tirai Perasmian
- Logo SMS Labuan
- Akademik
- Kokurikulum
- Pentadbiran

**17**

### **Sekolah Menengah Sains Hulu Selangor (SMASHUR), Ulu Yam, Selangor**

**77**

- Sejarah Pembinaan
- Kronologi Sejarah
- Visi dan Misi
- Pencapaian PMR
- Pencapaian SPM
- Pengurusan Kurikulum SMASHUR

# PENDAHULUAN

Buku siri *SEKOLAH POPULAR DI MALAYSIA* ini diterbitkan bagi mengisi pengetahuan para pelajar agar dapat mengenalpasti sekolah-sekolah yang cemerlang yang terdapat di negara ini. Kedudukan kecemerlangan ini akan berubah setiap tahun bergantung kepada keputusan peperiksaan yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Keberkesanan sekolah atau sekolah cemerlang boleh diukur berasaskan output atau hasil persekolahan itu. Hasil ini berbentuk pencapaian dalam bidang akademik dan bukan akademik seperti kelakuan dan disiplin pelajar yang baik, sendiri dan sikap pelajar-pelajar yang baik, kepuasan kerja guru dan keadaan sekolah yang bersih dan ceria. Keberkesanan sekolah boleh diukur melalui proses iaitu proses pengurusan dan pentadbiran sekolah efektif, pewujudan iklim budaya sekolah yang positif untuk pengajaran-pembelajaran, hubungan yang mesra antara pihak pengurusan sekolah dengan guru, guru dengan guru dan guru dengan pelajar, dan guru dengan ibu bapa.

Keberkesanan sekolah juga boleh diukur bukan sahaja melalui kecemerlangan dalam pendidikan, tetapi dari aspek ekuiti (kesaksamaan) untuk mendapatkan pendidikan tanpa mengira kebolehan dari segi kognitif, fizikal pelajar, latar belakang taraf sosioekonomi (SES) ibu bapa pelajar, latar belakang agama, bangsa dan keturunan dan fahaman pelajar. Akhir sekali, keberkesanan sekolah boleh diukur dari segi kemajuan atau peningkatan dari segi kadar pencapaian akademik pelajar dari setahun ke setahun yang ditunjukkan melalui adanya nilai tambah (*value added*) kepada kebolehan pelajar.

Sekolah cemerlang atau sekolah berkesan mempunyai maksud yang sama. Di Amerika Syarikat dan di United Kingdom bagi sekolah cemerlang, ia menggunakan istilah sekolah berkesan (*effective school*), manakala di Malaysia menggunakan istilah sekolah cemerlang yang bermaksud sekolah yang dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar iaitu daripada pencapaian akademik yang rendah meningkat kepada pencapaian akademik yang tinggi. Menurut Hussein Mahmood (1993), sekolah cemerlang bukanlah sekolah yang established atau sekolah primer tetapi sekolah yang dapat menghasilkan pencapaian akademik yang tinggi, kurang menghadapi masalah disiplin dan mendapat kepercayaan dalam kalangan masyarakat dan guru-guru merasa puas hati bekerja.

Abdul Shukor Abdullah (1991) mengatakan bahawa sekolah cemerlang ialah sekolah yang mencapai tahap terbaik, bermutu dan terunggul dalam semua bidang berkaitan dengan akademik, sahsiah, pengurusan, perhubungan, infrastruktur dan kepimpinan. Menurut Sharifah Md. Nor (2000) pula, konsep sekolah cemerlang berkait dengan kecemerlangan akademik; walau bagaimanapun guru-guru perlu menentukan perkembangan seimbang pelajar dan kemampuan pentadbir membantu guru menjalankan tugasnya dengan baik. Bagi membantu pelajar pula, sekolah cemerlang ialah sekolah yang mempunyai guru-guru yang boleh mengajar dengan berkesan supaya pelajarannya bijak, mempunyai sahsiah dan disiplin yang baik. Dalam situasi di USA, United Kingdom malah di Malaysia didapati tidak semua sekolah, sama ada sekolah rendah atau sekolah menengah boleh dikategorikan sebagai sekolah berkesan.

# 1

## Sekolah Menengah Sains (SMS)

**K**ONSEP Sekolah Menengah Sains (SMS) mula ditubuhkan pada tahun 1973 apabila kemajuan pendidikan dalam kalangan murid-murid luar bandar, khususnya dalam bidang sains mendapat perhatian daripada para pemimpin negara. Oleh itu, antara projek penting yang perlu dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kedua dinyatakan sebagai: *'an important project in the plan is the establishment of ten pilot residential secondary science schools to provide added educational opportunities for pupils from rural areas to pursue their education in science subjects.'*



Sekolah Menengah Sains Sultan Mahmud, Kuala Terengganu

Justeru, 10 buah sekolah Berasrama Penuh (SBP) berikut telah dibina di dalam Rancangan Malaysia Kedua, iaitu:

Bil	Nama Sekolah
1	Sekolah Menengah Sains Sultan Mohamad Jiwa (SEMOJI) (1973)
2	Sekolah Menengah Sains Tun Syed Sheh Shahabudin (SOKSEK) (1973)
3	Sekolah Menengah Sains Selangor (SMSS) (1973)
4	Sekolah Menengah Sains Muzaffar Shah (MOZAC) (1973)
5	Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah (SEMSAS) (1973)
6	Sekolah Menengah Sains Sultan Mahmud (SESMA) (1973)
7	Sekolah Menengah Sains Tengku Muhammad Faris Petra (FARISPETRA) (1973)
8	Sekolah Menengah Sains Tuanku Syed Putra (SYEDPUTRA) (1974)
9	Sekolah Menengah Sains Tuanku Jaafar (STJ) (1974)
10	Sekolah Menengah Sains Johor (SCORE) (1975)

## Pendidikan di Malaysia

Sebagai negara bekas jajahan Inggeris yang baru merdeka pada tahun 1957, Malaysia telah menyerap sistem pendidikan Inggeris. Sistem sekolahnya terbahagi kepada dua bahagian besar, iaitu pendidikan asas selama enam tahun yang dimulai pada usia tujuh tahun dengan diakhiri oleh ujian kebangsaan pada tahun ke-6 (UPSR).

Pendidikan menengah dilaksanakan di sekolah menengah yang terbahagi dua, iaitu sekolah menengah rendah selama tiga tahun yang diakhiri dengan ujian akhir (PMR), kemudian dengan tingkatan berikutnya selama dua tahun yang diselesaikan melalui ujian kebangsaan lainnya (SPM); ini tidak lain adalah O Level (*ordinary level*) dalam sistem Inggeris. Keadaan 11 tahun persekolahan ini adalah pendidikan wajib di Malaysia, dengan usia pelajar menyelesaikannya pada umur 16 tahun. Apabila pelajar mahu melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi maka dia harus menempuh pendidikan prauniversiti paling tidak selama satu tahun yang disebut matrikulasi, asasi ataupun STPM, iaitu setara A Level (*advance level*) dalam pendidikan Inggeris.

Sistem pendidikan Malaysia dilakukan secara berpusat, walaupun faktanya Malaysia adalah negara dengan sistem federal. Total jumlah pelajar sekolah adalah lebih lima juta orang yang bersekolah di lebih 10 ribu buah sekolah (lebih dari 95% adalah sekolah kerajaan). Populasi guru di Malaysia sebanyak lebih 423 ribu orang di mana 70% ialah guru perempuan (KPM, 2014).

Kualifikasi minimum guru di Malaysia adalah sarjana; pendidikan guru untuk sekolah dasar dilaksanakan oleh institut pendidikan guru (dulu disebut maktab perguruan) yang diawasi sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM); sedangkan untuk guru sekolah menengah pendidikannya dilaksanakan oleh lebih 13 fakulti pendidikan di pelbagai universiti. Semua pendidikan guru adalah lembaga awam atau negeri yang dikawal penuh oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam hal masukan dan keluarannya.

Salah satu hal yang menonjol dalam sistem pendidikan Malaysia adalah adanya alokasi dana yang signifikan, di mana minimum anggaran per tahunnya untuk pendidikan adalah 20% (di luar gaji guru). Hal ini juga yang menyebabkan banyaknya sekolah swasta di tingkat pendidikan dasar dan menengah yang diwujudkan, di samping sebagai perluasan pengaruh kerajaan atau negara. Bahasa pengantar yang digunakan adalah Bahasa Melayu, namun pada sekolah dasar berdasar etnik Cina dan Tamil, masih dibolehkan penggunaan bahasa ibunda sebagai komunikasi, yang menunjukkan politik identiti dari era kolonial masih tetap bertahan.

## Kurikulum Sains

Selepas merdeka dari Inggeris, Malaysia tetap menerapkan kurikulum sains yang berasal dari Inggeris. Menurut Tan (1991) dan Lee (1992), tiga buah

kurikulum pengajaran sains diserapkan, iaitu *The Scottish Integrated Science Syllabus for lower secondary school*, *The Nuffield Secondary School Science Curriculum for the non-science stream of upper secondary school*, dan *The Nuffield O Levels pure Science Syllabus for the upper-secondary science stream* yang diimplementasikan mulai tahun 1968 sehingga 1981.

Import kurikulum asing seperti ini tentu berkesan secara langsung. Kajian yang dilakukan oleh Thair dan Treagust (1997; 1999) menunjukkan bahawa kecenderungan kurikulum sains negara berkembang seperti Malaysia dan Indonesia, kerana ketiadaan pakar reka bentuk dan implementasi kurikulum maka yang terjadi adalah serapan kurikulum sains dari negara maju tanpa banyak usaha untuk adaptasi dengan keadaan tempatan.

Pelaksanaan kurikulum sains ini secara langsung menyebabkan banyak masalah sewaktu diterapkan di kelas. Yang paling jelas adalah dalam hal ketersediaan alat makmal untuk eksperimen dan staf yang terlatih untuk menerapkannya; di mana hal ini tidak dapat diselesaikan secara tuntas. Lebih jauh Tan (1991) menjelaskan bahawa permasalahan lebih lanjut yang terjadi dengan kurikulum dari Inggeris ini yang dikategorikan sebagai masalah konseptual, pedagogi dan psikologi.

Masalah dalam hal konseptual terjadi di mana murid Malaysia mengalami kesukaran dalam menghubungkan eksperimen sains dari kurikulum yang berasal dari budaya Barat dengan kehidupan keseharian mereka. Dalam hal pedagogi, pengajaran di Malaysia dilaksanakan dengan berpusatkan pada guru, namun kurikulum yang ada menetapkan pola yang sangat berbeza dengan budaya yang ada yang mengharuskan berpusatkan pada pelajar (*student-centered approaches*).

Dalam konteks psikologi, pendidikan yang berorientasikan pada ujian menjadikan pengajaran yang ada diarahkan untuk menuntaskan silabus, dan kerana terbatasnya waktu para guru mengambil jalan pintas dengan melakukan percubaan dan demonstrasi sains secara verbal saja, bukannya dilakukan oleh pelajar.

Menyedari hal ini, pakar pendidikan tempatan Malaysia bersama dengan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia berusaha mencari format kurikulum sains yang sesuai dengan keperluan setempat. Salah satu usahanya adalah dibentuknya Pusat Perkembangan Kurikulum pada tahun 1972 yang melakukan kajian dan pengembangan kurikulum bermuatan tempatan (Tan, 1991).

Hasilnya adalah reka bentuk dan produk kurikulum sains bersepadu baik di tingkat pendidikan dasar mahupun di tingkat sekolah menengah pada akhir tahun 1980-an. Kedua-dua kurikulum ini tidak lain hasil dari pakar pendidikan tempatan yang melakukan dialog dan kajian, yang disesuaikan dengan keperluan tempatan. Perubahan drastik dalam hal kurikulum terjadi pada era awal 2000-an.

Salah satu perkembangan menarik dalam hal kurikulum sains ini adalah pada masa pertengahan tahun 1970-an sehingga awal tahun 1980-an. Di mana

Tahukah anda sekolah yang tertua di Malaysia? Apakah nama sekolah berasrama penuh menengah atas untuk semua pelajar lelaki dan semua pelajar perempuan sahaja? Apakah maksud SBP Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA)?

Semua pertanyaan itu akan terjawab dengan membaca buku dalam siri **Sekolah Popular di Malaysia** ini. Siri ini diterbitkan untuk memberikan informasi kepada pelajar dan ibu bapa yang berhasrat menghantar anak-anak mereka ke sekolah berprestij di negara kita. Siri ini mempunyai empat buah judul yang memaparkan pelbagai informasi yang padat dan bermanfaat. Antaranya keistimewaan yang terdapat di Sekolah Berasrama Penuh (SBP) seperti peluang belajar bahasa antarabangsa seperti Arab, Jepun, Jerman, Perancis, Mandarin dan Korea. Malahan, untuk menarik minat para pembaca, cerita dalam siri ini disulami dengan gambar yang cantik serta perbendaharaan kata yang merangkumi pelbagai laras bahasa. Justeru, ibu bapa dan pihak sekolah mestilah mendapatkan siri ini sebagai bahan bacaan di rak buku kerana pembelian anda amatlah berbaloi. Selamat Membaca!

**Buku-buku dalam siri ini ialah:**



**Sekolah Kluster Paling Cemerlang**



**Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) Paling Cemerlang**



**Sekolah Berasrama Penuh (SBP) Paling Cemerlang**



**Sekolah Menengah Sains Paling Cemerlang**

